

KEDUDUKAN UMAT MOROCCO DI BAWAH PERANCIS

-----*-----*

Keadaan di Morocco atau yang terkenal dengan “ Maghribi al-Aqsa” telah mulai mendidih semula untuk melepaskan darinya daripada terletak di bawah naungan kuasa-kuasa Barat yang telah bertapak di sana semenjak daripada tahun 1912 – 40 tahun yang telah lalu–iaitu setelah ia menjadi mangsa yang terbabit daripada perrusuhan di antara Perancis dengan Jerman dan Spain di Tanah Afrika daripada tahun 1911. Kejadian ini berlaku ialah setelah negara yang merdeka semenjak 1200 tahun itu telah berkeadaan kusut yang menyebabkan sebab kuasa-kuasa Barat melapahnya sehingga menjadi sebuah jajahan takluk–pada namanya negeri naungan. Di dalam masa 40 tahun itu mereka mereka hidup terletak di bawah kuasa kerajaan Perancis yang menjadikan negeri itu di dalam suatu lingkungan tabir besi yang kuat terutamanya setelah terjadi kebangkitan pahlawan Islam yang perkasa Amir Abdul Karim yang telah dapat menaklukkan jajahan Spain di Maghribi pada tahun 1924 dan berjuang dengan askar Perancis pada tahun 1925 dengan banyak mengorbankan pengorbanan-pengorbanan daripada darah umat Maghribi, lain tidak melainkan kerana tujuan menjadikan tanah mereka sebuah negara yang merdeka semula.

-----*-----*

Semua perjuangan itu telah dapat dipatahkan dan sebab itulah perjuangan itu lumpuh dan cara-cara pertadbiran di dalam kawasan-kawasan Perancis itu mengikut akhbar mingguan “Al-Bayan” yang diterbitkan di Washington, dikatakan sehingga boleh dikatakan tidak ada seorang pun daripada umat Maghribi di dalam kawasan Perancis yang dibenarkan keluar daripada daerah masing-masing apalagi pergi ke negeri-negeri luar dikecualikan mereka yang gemar kepada naungan. Perancis telah menggunakan kuku besi mencopkan dengan ganasnya kepada umat negeri yang merdeka semenjak dua belas kurun lamanya.

Negeri yang merdeka yang telah terletak di bawah naungan Perancis semenjak tahun 1912 itu nadalah terkenal sebagai sebuah kerajaan yang berdaulat di bawah Empayar Syarifin dan pada tahun 1610 telah mengikat perjanjian dengan Belanda, pada tahun 1630 dengan Britain dan pada tahun 1887 dengan

Amerika Syarikat. Pada akhirnya kedaulatan diakui dalam persidangan di Algeciras pada tahun 1906 oleh kuasa-kuasa dunia. Apabila Perancis pada tahun 1912 meletakkan naungannya ke atas Empayar Syarifin itu kemudian terus menduduki semua tanah-tanah Maghribi dengan suatu penaklukan yang berjalan selama dua puluh tahun yang di dalam masa itu berbagai-bagai kezaliman telah ditimpakan ke atas umat Maghribi yang merdeka dan aman tenteram.

Di dalam masa itu, hingga hari ini, perbezaan-perbezaan kulit adalah dilakukan dengan hebatnya. Kalau kejadian kepada bangsa kulit putih maka kulit putih itu akan dibela oleh seorang peguam tetapi sebaliknya penjara-penjara penuh sesak dengan umat Maghribi yang ditahan tidak diterangkan apa sebab tahanan itu serta apa kesalahannya, jauh sekali daripada diberi peguam untuk membelaanya.

Segala kejadian-kejadian ini, menurut akhbar “Al-Bayan” adalah

tersembunyi kepada dunia luar. Orang-orang luar yang melihat Morocco dengan bendera-benderanya yang cantik dan moden, jalan-jalannya yang bagus dan perusahaan-perusahaan bertambah adalah menunjukkan negeri itu adalah sebuah negeri yang maju dan terkemuka terutamanya pula dakyah-dakyah itu dijalankan oleh Perancis menunjukkan kemajuan-kemajuan yang cepat dan

jaya tetapi hakikatnya yang terjadi hanya semata-mata diuntukkan bagi bangsa yang menaungi sedang anak negeri Maghribi dari satu ke suatu masa menderita menderita dan menderita.

Dalam tahun 1951 jawatan

Civil Service yang boleh dikatakan semuanya terdiri daripada bangsa-bangsa Perancis menghendaki belanja sebanyak 30,298,000,000 Frank yang di ambil daripada 37,383,000,000 Frank atau 60 peratus daripada pendapatan itu. Dengan ini tidaklah hairan hanya sedikit sahaja wang yang digunakan untuk pekerjaan memperbaikkan negara dan umumnya penduduk negara akan menjadi lebih miskin dari tahun 1912.

Dari tahun 1938 kepada tahun 1950 bilangan

pegawai-pegawai pertadbiran telah naik kepada 105 peratus. Kerana itu banyak bangunan-bangunan yang diberikan untuk mereka itu dan tiap-tiap seorang pegawai tadbir Perancis yang bercuti balik ke Paris melalui Spain bukannya hanya menerima tiket-tiket kelas satu untuk diri dan keluarganya tetapi

jugalah menerima hadiah sebanyak 50 000 Frank untuk dirinya dan untuk tiap-tiap seorang keluarganya dengan ini tidaklah hairan untuk perbelanjaan cuti sahaja memakai belanja sebanyak 250 000 000 Frank setahun. Perbelanjaan-perbelanjaan yang diuntukkan kepada anak negeri di dalam perkara ini sama sekali tidak memuaskan.

Yang diuntukkan bagi sultan di dalam bahagian sivil (terutama belanja kerajaan dan jemaah menteri kerana tentera Syarifin. Sekolah anak negeri dan pertadbiran undang-undang Islam) hanya 728 000 000 Frank setahun atau 1.92 peratus daripada belanjawan berbanding dengan 7,634 000 000 Frank atau 20 peratus untuk kegunaan Residen Jeneral Perancis.

Selain daripada itu sehingga hari ini hanya sedikit sahaja orang-orang Maghribi yang memegang jawatan tadbir di sana.

Orang-orang Perancis yang memegang jawatan tadbir sebanyak 20,492 orang dan anak negeri hanya 5942 orang dan

inipun memakai jawatan-jawatan yang

kecil seperti jaga, peon dan seumpamanya sedang pekerjaan-pekerjaan yang berkетanggungan semuanya dipegang oleh orang Perancis.

Dengan ini adalah jauh sekali tentang pelajaran dan lain-lain perkara serta iktisad untuk mereka. Kalau sudah pertadbiran mereka dengan cara yang demikian itu maka betapa pula payahnya di dalam lain-lain bahagian. Seorang anak negeri



Sultan Muhammad Yangklim, Sultan Morocco yang telah menduduki takhta kerajaan dalam 1911 menggantikan kerajaan ayahandanya.

-----*-----*

di sana telah menjadi sebagai anak dagang. Seorang anak negeri pada bila-bila masa boleh dipenjara oleh pihak kerajaan sekalipun tidak bersalah. Di sana tidak ada kebiasaan berkumpul, ucapan, merundingkan perkara siasah, termasuk juga pelayaran. Dengan ringkasnya bahawa kedudukan mereka adalah di dalam "Negeri Polis".

Segala buku-buku dari luar tidak boleh dibawa masuk dan di-censor dengan kuar di sana. Buku-buku itu tidak dipedulikan samada buku pelajaran, sains ataupun lainnya lainnya sedang kelulusan masuk itu juga adalah boleh dekat tidak terbuka langsungnya. Hanya sesudah Residen Jeneral Guilum ada sedikit-sedikit diberi kebebasan dan daripada disebut terutamanya tentang kebebasan bergerak tetapi itupun terhad juga. Sekarang telah mulai dikeluarkan "visa dan pasport di dalam Morocco tetapi kekuasaan itu semuanya terletak di dalam tangan Perancis. Bersamaan dengan itu maka anak negeri terpandang sebagai anak luar. Mereka pergi dari daerah Perancis di Morocco ke daerah Spain ataupun ke Tangier atau keluar negeri hanya dengan satu visa khas sahaja—di dalam banyak tempat di dalam daerah Perancis-Morocco itu seseorang tidak boleh menjajah dengan tidak ada kebenaran khas daripada tentera.

Tetapi bagai bangsa Perancis tidak berhajat kepada yang demikian dikecualikan bagi sedikit orang maka adalah boleh dikatakan mustahil seseorang Maghribi akan mendapat visa kerana bayar keluar negeri.

Dengan keadaan itu zahirlah bagaimana penderitaan-penderitaan umat Morocco dan sebab itulah daripada raja hingga kepada rakyat telah bersatu padu untuk mencapai cita-cita yang satu iaitu mendirikan semula kebebasan mereka. Telah terasa bahawa kekerasan telah dilakukan kepada mereka sehingga pada satu masa pelajaran bahasa Arab telah dihapuskan pada tiap-tiap sekolah dan pelajaran al-Quran tidak dibenarkan. Tujuan-tujuan itu lain tidak ialah kerana mencari jalan supaya negara Maghribi itu terjauh daripada




Baksaa tidak sunyi daripada berdamping dan meninjau kedudukan rakyat jelata.

-----*-----*

saudara-saudaranya orang Arab di Timur Tengah.

Cita-cita untuk kebebasan itu telah ditegaskan oleh Sultan Muhammad bin Yusuf, dalam masa menyambut ulangtahunnya yang kedua puluh empat di atas takhta kerajaan, titahnya:

"Tidak terselindung bagaimana beratnya kita menanggung amanat itu) kewajipan raja kepada negeri dan rakyat—
P) di hadapan Allah dan di hadapan rakyat ramai. Semenjak dikurniakan Allah yang demikian, kita telah pun mewajibkan diri kita berusaha terus dengan tidak menaruh perasaan lemah ataupun berputus asa sehingga dapat kita mengembalikan kebesaran dan kemuliaan negara ini dan sehingga dapat meletakkan dia di tempat yang sesuai dengan sejarahnya yang gilang gemilang dan kedudukannya yang istimewa pada segi geografi.



Putera-puteri Morocco. Yang berdiri di sebelah kiri ialah

Putera Mahkota.

-----*-----*

“Tujuan kita yang utama ialah menuaikan cita-cita

rakyat kita yang halal dengan kadar daya upaya kita.

Di dalam beberapa peluang yang munasabah kita telah isytiharkan bahawa sebaik-baik cara pemerintahan untuk sebuah negara yang berdaulat dan memerintah diberinya sendiri ialah pemerintahan yang berdasarkan demokrasi yang sesuai dengan agama kita dan menjamin bagi seseorang dan orang ramai akan cara hidup yang aman damai. Kita mesti tidak berganjak daripada dasar yang kita lunaskan itu dan bersungguh-sungguh berusaha melaksanakannya, kerana kita yakin bahawa cara pemerintahan yang demikian itu ialah yang akan menjamin rakyat kita sejauh-jauh yang dapat dicapai daripada kebebasan, keadilan dan kemuliaan.

Titah baginda lagi: “Kita tidak akan berhenti mencurahkan segenap tenaga berusaha untuk maslahat rakyat jelata dan membeli kedudukan, insya-Allah sehingga dapat mencapai apa yang dituntut dan dicita-citakan mereka. Oleh yang demikian itulah yang telah menyebabkan kita berangkat

ke Paris pada tahun yang lalu untuk membentangkan perkara negara kita kepada kerajaan Perancis bagi mendapat keputusan yang membawa kepada kemerdekaan dan kedaulatan negara kita.....”

Keteguhan azam baginda semakin terserlah iaitu tatkala baginda menolak terang-terang akan ajakan Perancis untuk menggabungkan negara Morocco dalam kesatuan Perancis. Penolakan baginda telah diisyiharkan di dalam suatu ucapan di Tangier yang menyatakan

bahawa negara Morocco adalah sedia terletak di dalam persatuan tabii dengan negara-negara Arab dan tidaklah ada suatu kuasa yang

boleh memecahkan persatuan yang sebatи dan sejahterai itu.

Sebagaimana azam Sultan Morocco memperjuangkan kemerdekaan bangsa dan tanah airnya maka begitulah juga azam Perdana Menterinya Al-Hajj Muhammad Al-Maqri. Perdana Menteri ini adalah berumur 110 tahun dan telah mengemudi kerajaan itu selama empat puluh tahun. Selain daripada tulus ikhlas kepada raja dan kepada maslahat rakyat jelata maka azamnya memperjuangkan kemerdekaan tanah air boleh diuji terutamanya tatkala ia dengan berterus terang menolak desakan Perancis yang menghendaki negara itu bersatu di dalam persatuan Perancis. Semua azam itu disokong oleh rakyat jelata yang dapat dilihat dalam ucapan pengajur mereka yang terkemuka Abdul Khaliq Al-Thoris yang di-Pertua Parti Islah tatkala mengulas ucapan diraja yang tersebut katanya..., Ucapan diraja itu telah menjelaskan bahawa Morocco dari raja membawa kepada rakyat ramai adalah sedang berjuang menuntut kemerdekaan dan kedaulatannya.